

LATAR BELAKANG PENUBUHAN MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA

Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Akta Kerajaan Tempatan 1976, (Akta 171) sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan bagi kawasan Hang Tuah Jaya. Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya mula beroperasi pada 1 Januari 2010.

Berkeluasan 35,733.04 ekar, Hang Tuah Jaya terletak di tengah-tengah Negeri Melaka meliputi kawasan Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri dan merangkumi 3 Daerah iaitu sebahagian Daerah Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin.

Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya ini berperanan penting kerana Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka terletak di dalam kawasan pentadbirannya. Adalah menjadi aspirasi Kerajaan Negeri Melaka untuk menjadikan kawasan Perbandaran Hang Tuah Jaya ini sebagai kawasan kosmopolitan yang mampu menjana pembangunan pelbagai aspek meliputi Ekonomi, Sosial, Infrastruktur dan Rekreasi menerusi penerapan konsep K-Ekonomi, I-Village, K-Komuniti dan Bandar Siber.

Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya akan berusaha gigih mengurus tadbir dan memastikan Hang Tuah Jaya membangun menjadi sebuah Bandaraya Pintar dari aspek pentadbiran, perkhidmatan dan perekonomian yang ideal untuk belajar, bekerja, mendiami dan berekreasi seiring gagasan 1 Malaysia. Perancangan yang teliti dan bersistematik akan menjadikan kawasan Hang Tuah Jaya sebagai kawasan persekitaran yang selamat, kondusif dan juga dapat mempertingkatkan kualiti kehidupan penduduknya.

Fungsi-fungsi Utama Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya

Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya berperanan penting di dalam memaju dan membangunkan kawasan pentadbirannya.

Antara peranan terpenting Majlis ialah seperti berikut:

- Merancang, mengawal dan menggalakkan pembanguan kawasan perbandaran sesuai dengan undang-undang dan dasar-dasar pembangunan Negeri dan Negara. Menyedia dan menyelenggarakan kemudahan-kemudahan awam seperti jalan raya, perparitan, lampu-lampu jalan, pasar, gerai, tandas awam, perhentian bas dan teksi serta lain-lain.
- Menyelia perkhidmatan bandaraya dan kesihatan umum kepada penduduk-penduduk seperti perkhidmatan pembersihan dan pelupusan sisa pepejal, pelupusan najis, pembersihan, jalan, parit dan lain-lain perkhidmatan perbandaran.
- Mengawasi kesihatan awam dengan mengawal pengendali makanan, mencegah penyakit berjangkit, memusnahkan serangga makhhluk perosak dan sebagainya.
- Merancang dan melaksanakan projek-projek pengindahan dan kebersihan bandar dan tempat-tempat pelancongan.
- Menyedia dan menyelenggara kompleks-kompleks sukan, pusat-pusat rekreasi, taman-taman dan lain-lain kemudahan bandar.
- Merancang menggalakkan aktiviti perdagangan, perindustrian dan pelancongan bersesuaian dengan strategi pembangunan negeri.
- Merancang dan menggalakkan pembangunan sektor perniagaan dengan cara mengadakan kemudahan tambahan dan pengeluaran lesen-lesen premis perniagaan.



MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA *Bandaraya Pintar*



MISI (MPHTJ)

Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya peneraju perkhidmatan dan pembangunan bertaraf dunia

VISI (MPHTJ)

Menjadikan Hang Tuah Jaya (HTJ) 'Bandaraya Pintar' bertaraf dunia berkonsepkan 'Teknologi Hijau'

MOTO (MPHTJ)

'Bandaraya Pintar'

Alamat :

Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
Lot F51 & F52, Tingkat 1, Kompleks Melaka Mall, Jalan Tun Abdul Razak-Ayer Keroh,
75450 Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, Melaka.

Tel : 06-232 3773 / Fax : 06-232.2851 / Web : www.mphtj.gov.my

www.mphtj.gov.my